

## PML UMS Wujud Taman Mini Kreatif

Terakhir dikemaskini: Rabu, 04 Julai 2018 16:03 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 544

[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


**RABU, 4  
JULAI** –  
Pusat Minda  
Lestari  
(PML)  
Universiti  
Malaysia  
Sabah (UMS)  
telah  
mewujudkan  
sebuah  
Taman Mini  
Kreatif  
sebagai salah  
satu inisiatif  
untuk

mengindahkan persekitaran persekolahan di kawasan PML UMS.

Pengarah PML, Aidah Noordin berkata, ini adalah bagi mewujudkan suasana ceria di kawasan PML yang akan mendorong kepada peningkatan emosi kanak-kanak, selain sebagai satu kawasan aktiviti pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak di PML.

“Taman Mini yang direalisasikan dengan kekuatan 40 kakitangan PML ini juga satu usaha memupuk sikap saling bekerjasama dalam kalangan kakitangan PML serta menjadikan mereka lebih kreatif dan inovatif, selain turut menyokong agenda UMS sebagai universiti eco campus dan menyokong kepada program Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) universiti.

“Taman ini menerapkan nilai 5R sebagai langkah menyokong usaha eco campus iaitu *Reuse, Reduce, Recycle, Respect* dan *Re-decorate*, dengan hiasan yang dibuat menggunakan bahan-bahan kitar semula seperti botol plastik dan barang permainan kanak-kanak bagi mengurangkan timbunan sampah sarap di kawasan pembuangan,” katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Taman Mini Kreatif PML.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin dalam ucapan perasmian berkata, Taman Mini Kreatif PML itu merupakan cetusan idea kreatif yang mampu menambah nilai output serta membawa transformasi kepada pengajaran dan pembelajaran sedia ada.

“Projek ini merupakan salah satu contoh yang baik bagi menyahut seruan pengurusan UMS menggalakkan penglibatan dalam Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UMS.

“Bagi memastikan kelestarian taman ini, saya menyeru pihak PML terus memelihara dan menjaga kecantikan serta keunikan taman dengan menerapkan konsep 3M iaitu mesra pengguna, mesra pelancong dan mesra alam sebagai kayu ukur dalam menilai kejayaan transformasi PML,” katanya.

Teks ucapan beliau disampaikan Penolong Naib Canselor UMS, Prof. Dr. Marcus Jopony.

Prof. Datuk Dr. Kamarudian menambah, Taman Mini Kreatif PML suatu hari nanti akan menjadi antara destinasi yang wajib dikunjungi oleh pelancong-pelancong yang datang ke UMS.

Hadir sama pada majlis itu Pendaftar UMS, No'man Ahmad; Ketua Pustakawan UMS, Dayang Rukiah Ag. Amit; dan Yang Dipertua Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) PML, Hasan Aris.